

13/11/1998

Peluang teroka perniagaan baru

Abdul Halim Yusoff

FESTIVAL Perdagangan Antarabangsa Ketiga Apec 98 disasarkan menjadi medan terbaik kepada anggota ekonomi dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) untuk bekerjasama dan mempromosikan barangan, teknologi dan perkhidmatan mereka kepada negara anggota.

Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Mohammed Abdul Halim, berkata festival perdagangan kali ini yang menyaksikan penyertaan daripada semua negara anggota (21 negara), membuka peluang kepada sektor swasta Malaysia mengukuhkan hubungan perdagangan dan meneroka perniagaan baru dengan anggota ekonomi Apec.

Katanya, Malaysia mempunyai hubungan perdagangan yang kukuh dengan ekonomi anggota Apec, menyumbangkan 78.2 peratus kepada keseluruhan perdagangan Malaysia.

"Pada 1997, jumlah dagangan keseluruhan Malaysia dengan ekonomi anggota Apec berjumlah RM345.9 bilion, hampir tiga kali ganda meningkat daripada RM122.5 bilion pada 1990," katanya ketika membawa wartawan melihat persiapan pameran itu di Dewan Mines, di Sri Kembangan, semalam.

Festival Perdagangan Antarabangsa Ketiga Apec 98 bermula hari ini (13 November) dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan berakhir pada 16 November. Festival perdagangan ini dianjurkan Matrade, dikendalikan FMM Exhibition Services Sdn Bhd, anak syarikat Persekutuan Pengeluar Malaysia (FMM) dan diuruskan Reed Exhibitions.

Mohammed berkata, festival dengan tema 'Meningkatkan Daya Saing Sejagat Menerusi Pembangunan Teknologi dan Sumber Manusia' akan memberikan fokus utama bagaimana teknologi dan tenaga buruh mahir menyumbang kepada pembangunan dinamik ekonomi negara Apec.

Festival yang mengumpulkan 350 pempamer daripada 21 negara anggota dengan 76 daripadanya adalah syarikat tempatan itu akan turut menampilkan produk, teknologi dan program berkaitan 'persediaan kecemasan'.

Antara elemen lain yang menjadi agenda utama dalam festival perdagangan ini ialah sesi 'menjodohkan perniagaan' yang mana peserta berpeluang mengukuhkan hubungan dan merangka peluang mengadakan kerjasama sama ada untuk usaha sama atau sebagai pengeksport/pengimport.

Festival Perdagangan Antarabangsa Ketiga Apec 98 akan berlangsung di atas ruang pameran seluas 10,000 meter persegi, dijangka menarik lebih 20,000 pengunjung tempatan dan peniaga antarabangsa.

Orang awam juga berpeluang melihat festival itu mulai jam 4 petang hingga 7 petang setiap hari festival itu berlangsung.

Antara syarikat tempatan terkemuka yang menyertai festival perdagangan ini termasuk Petronas, Kumpulan DRB-Hicom, Telekom Malaysia, Golden Hope Plantation, Renong, Southern Bank, Celcom dan Malaysia Sheet Glass Bhd.

Anggota Apec yang turut menyertai festival perdagangan itu termasuk Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Jepun, Korea, Mexico, Taiwan, Thailand serta anggota baru Russia, Peru dan Vietnam.

Seiringan dengan festival itu, Mohammed berkata, Matrade juga menganjurkan Forum Perniagaan Apec pada tarikh yang sama.

"Pada forum itu, beberapa anggota ekonomi Apec akan membuat pembentangan selama dua jam mengenai peluang pelaburan dan perdagangan yang tersedia di negara masing-masing.

"Syarikat perniagaan dalam negara Apec termasuk syarikat Malaysia akan dijemput menyertai pembentangan itu. Kami menjangka menerima perwakilan perniagaan daripada negara bukan anggota Apec," katanya.

Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik atau Apec ditubuhkan pada 1989 selaras dengan meningkatnya keperluan saling kebergantungan antara ekonomi di rantau Asia Pasifik. Apec terus berkembang sejak itu menjadi forum penggalak kepada kerjasama ekonomi praktikal dan perdagangan terbuka.

Menjelang 1996, ekonomi Apec mewakili 46 peratus daripada keseluruhan perdagangan dunia, dengan eksport berjumlah AS\$2.3 trilion (RM8.74 trilion) dan import berjumlah AS\$2.5 trilion (RM9.5 trilion).

(END)